

## Ucapan

**Yang Berhormat  
Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir  
Timbalan Menteri Kerja Raya**

sempena

**Majlis Pelancaran Dasar Perumahan Mampu Milik Negara**

**Elmina Community Park, Shah Alam**

**11 Mei 2019 (Sabtu)**

---

*(Salutations to be provided on event day)*

Para tetamu kehormat,  
Wakil-wakil media,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
  
Salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Saya berbesar hati kerana berpeluang untuk turut bersama-sama hadir di **Majlis Pelancaran Dasar Perumahan Mampu Milik Negara**, anjuran bersama **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Construction Research Institute Malaysia (CREAM).
2. Saya berasa bangga kerana sekali lagi berpeluang untuk menyaksikan komitmen Kerajaan dalam menyediakan rumah-rumah yang mencukupi, bersesuaian dan

berkualiti bagi kesemua rakyat Malaysia. Baru-baru ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan pihak KPKT untuk menilai kualiti kerja pembinaan projek-projek Rumah Mampu Milik (RMM).

3. Kerjasama ini telah dilancarkan secara rasminya pada Mac lalu, bersempena dengan acara Minggu Pembinaan Antarabangsa atau International Construction Week (ICW) 2019, yang mana KPKT telah mengukuhkan komitmen dalam mempertingkatkan lagi kualiti RMM menerusi akujanji dalam melaksanakan penilaian QCLASSIC untuk pembinaan projek-projek perumahan mampu milik.
4. Justeru itu, majlis hari ini akan melancarkan Standard Perumahan Kebangsaan yang memberi fokus kepada konsep perumahan mampu milik yang mampan bagi mencapai matlamat dan visi Dasar Perumahan Negara (DRN) dalam menyediakan perumahan mampu milik yang selesa, inklusif, komprehensif dan berkualiti.

Para hadirin sekalian,

5. Industri pembinaan merupakan salah satu daripada pemacu ekonomi utama di Negara kita. Ini adalah kerana industri ini mempunyai kesalinghubungan dengan sektor-sektor lain maka sektor pembinaan mewujudkan kesan penggandaan (*multiplier effect*) yang memberikan impak ketara kepada pertumbuhan KDNK dan pembangunan ekonomi Negara secara menyeluruh.
6. Walaubagaimanapun, industri pembinaan kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dari segi Kualiti Penghantaran, Persaingan, Produktiviti dan Kelestarian Persekitaran.
7. Di era digital ini, penggunaan teknologi dan kaedah-kaedah baharu bukan lagi menjadi satu pilihan malah satu keperluan, dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti di dalam industri pembinaan. Sehubungan itu, perubahan ini perlu dilaksanakan secepat mungkin dan secara meluas.

8. **Program Transformasi Industri Pembinaan 2016 – 2020 atau CITP** diwujudkan bagi memacu pemodenan sektor pembinaan di Malaysia. Penggunaan inovasi dan teknologi baharu telah dikenalpasti sebagai teras utama di bawah CITP bagi memastikan penggiat industri kekal berdaya saing dan berkebolehan untuk menyiapkan projek dalam jangka masa yang ditetapkan dan secara kos efektif.
9. Untuk memastikan industri ini kekal berdaya tahan dan mampan, transformasi yang meluas haruslah dilaksanakan. Justeru itu, ianya penting bagi industri ini untuk sentiasa meningkatkan standard dari masa ke masa bagi memastikan ia kekal berdaya saing dan berupaya untuk menyediakan produk-produk berkualiti kepada rakyat.

Para hadirin sekalian,

10. Sejar dengan dasar dan halatuju Kerajaan bagi membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) antara 2018 sehingga 2028 seperti yang diumumkan oleh Majlis Perumahan Mampu Milik Negara, transformasi ini haruslah dilaksanakan dengan segera.
11. Penggunaan teknologi dan kaedah baharu seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) dan *Big Data* akan meningkatkan lagi kebolehan syarikat-syarikat tempatan untuk membina dan menyediakan perumahan yang berkualiti secara andal, tepat dan cepat.
12. **Standard Perumahan Kebangsaan** atau ringkasnya CIS26 merupakan kemaskini daripada Standard Perumahan Kebangsaan yang telah diterbitkan pada tahun 1998 dan 2005. Pembaharuan ini diterbitkan selepas melalui proses-proses perbincangan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam industri pembinaan dari sektor Kerajaan mahupun swasta. Ini termasuklah wakil-wakil dari Kementerian, jabatan kerajaan, majlis negeri, pihak berkuasa tempatan, badan profesional, persatuan pembinaan dan juga ahli-ahli akademik.

13. Standard Perumahan Kebangsaan memberi piawaian minimum dalam penyediaan perumahan berkualiti di Malaysia dan memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk dan membina projek-projek perumahan di Malaysia. Standard komprehensif ini menyasarkan untuk mewujudkan kejiranan yang mampan, berdaya huni dan inklusif untuk rakyat.
14. Saya juga berasa teruja kerana kaedah ***Divergent Dwelling Design (D3)*** turut digunapakai dalam pelaksanaan projek ini. Saya dimaklumkan, CIDB telah menerajui konsep D3 selama enam tahun, membangunkan metodologi-metodologi yang menumpukan kepada peningkatan mampu milik, kesesuaian, kualiti dan kemampanan pembangunan perumahan menerusi gabungan sains, teknologi dan inovasi.
15. D3 merupakan pelonjak bagi perumahan mampu milik berkualiti di Malaysia yang kian meningkat. Komponen utama dalam D3 adalah penggunaan komponen IBS, yang juga selaras dengan objektif CIP dalam mengurangkan jangka masa pembinaan, meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos pembinaan.
16. Untuk pengetahuan para hadirin, pembangunan Harmoni 1 di perbandaran Elmina yang serba indah ini merupakan hasil daripada kolaborasi selama tiga tahun antara Sime Darby Property bersama Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) di bawah CIDB dengan sasaran untuk mengkomersialkan konsep D3. Hari ini, kita sama sama dapat menyaksikan D3 menjadi realiti.

Para hadirin sekalian,

17. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada pihak-pihak berkepentingan industri perumahan dari sektor awam dan swasta yang telah bersatu-padu untuk memacu kemajuan sektor perumahan mampu milik di Malaysia. Kerjasama rapat adalah perkara yang penting dalam mewujudkan nilai yang maksimum bagi rakyat.
18. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada Sime Darby Property atas komitmen yang diberikan dalam

memajukan perumahan mampu milik di Malaysia. Syabas juga diucapkan atas kejayaan dalam pelaksanaan kaedah D3 ke arah mencapai tempoh masa pembinaan yang lebih singkat, kerja-kerja pembinaan yang lebih cekap sekaligus memberikan produk berkualiti kepada pembeli rumah.

19. Tambahan lagi, kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam mengemaskini Standard Perumahan Kebangsaan ini sememangnya perkara yang amat membanggakan. Saya berharap agar penggunaan standard ini sebagai rujukan bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecekapan dalam pembangunan projek-projek perumahan mampu milik, malah dapat memajukan lagi industri pembinaan Malaysia dengan menyeluruh.

20. Dengan ini, saya ingin memberi galakan kepada pihak-pihak dari sektor kerajaan dan juga swasta untuk meneruskan inisiatif-inisiatif dan kerjasama seperti ini, selaras dengan slogan CITP, "Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan". Saya yakin dengan penggunaan kaedah D3 dan Standard Perumahan Kebangsaan sebagai rujukan, kualiti dan tahap produktiviti dalam industri pembinaan sememangnya dapat ditingkatkan ke taraf dunia, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.